

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini pengkaji akan membuat rumusan, cadangan penambahbaikan dan saranan kajian di masa hadapan. Bagi mencapai objektif kajian yang terakhir iaitu menghasilkan cadangan penambahbaikan terhadap amalan sertu industri di Malaysia. Kesemua hasil dapatan kajian diatas akan dikelaskan berdasarkan tema secara terperinci agar mudah difahami.

Justeru itu, cadangan penambahbaikan di dalam bab ini akan mengambil pendekatan dengan menyusun secara terperinci mengikut susunan yang terdapat dalam buku Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (JAKIM). Semoga cadangan penambahbaikan dan saranan kajian di masa hadapan yang disenaraikan dapat memberi ilham kepada para pengkaji untuk meneruskan kajian ini dan juga kepada pihak berkuasa berwajib agar dapat menambahbaik kaedah sertu yang sedia ada.

Penerangan dan huraian cadangan penambahbaikan garis panduan sertu secara terperinci adalah sepertimana berikut:

5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, pada peringkat awal dalam bab dua dan tiga kajian ini membuat analisis terhadap sertu menurut pandangan fiqah yang meliputi pandangan empat

mazhab dan kaedah sertu yang telah diamalkan dalam industri halal di Malaysia dengan merujuk kesemua perundangan dan peraturan halal di Malaysia yang melibatkan keperluan dan kaedah sertu. Hasil daripada kajian mendapati terdapat banyak kelonggaran (*rukhsah*) mengikut pandangan mazhab lain yang boleh diaplikasikan untuk proses sertu.

Meskipun di Malaysia mengamalkan pandangan mazhab Syafi'iy namun, di bolehkan untuk beramal dengan pendapat mazhab yang lain sekiranya timbul isu yang berlawanan dengan kepentingan awam. Sepertimana yang di jelaskan pada sub prosedur 13 dan 14 dalam buku Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia (2017) pada:

13. Dalam mengeluarkan apa-apa pandangan hukum atau fatwa, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qawl muktamad mazhab Syafi'iy.

14. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat dengan mengikut qawl muktamad mazhab Syafi'iy akan berlawanan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut mana-mana qawl muktamad mazhab Hanafiyy, mazhab Malikiyy atau mazhab Hanbaliyy.

Untuk memastikan perundangan dan peraturan yang telah di wujudkan oleh pihak berkuasa berwibawa ini relevan untuk diamalkan pada masa kini maka satu kaedah metodologi kajian dengan kaedah pengumpulan data melalui temu bual dan pemerhatian telah dilaksanakan melibatkan pihak yang bertanggungjawab sepanjang melaksanakan proses sertu iaitu syarikat perkhidmatan sertu Global Dibagh Sdn Bhd, wakil dari Jabatan Agama Islam Negeri dan syarikat perindustrian halal iaitu Syarikat Farmaseutikal U Sdn Bhd.

Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian kaedah pemerhatian turut dilaksanakan di Syarikat Farmaseutikal U. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat dua perkara yang perlu diambil berat iaitu penambahbaikan kaedah sertu dan isu-isu sertu yang timbul sepanjang proses sertu. Terdapat dua kaedah sertu yang difikiran relevan untuk ditambah dalam buku garis panduan sertu sedia ada iaitu kaedah sertu lap dan kaedah sertu celup. Bukan itu sahaja, terdapat sembilan isu yang timbul sepanjang proses sertu antaranya ialah:

1. Kurangnya Kesedaran dan Pengetahuan Tentang Sertu
2. Nisbah Campuan Tanah dan Air
3. Status Baki Air Basuhan Sertu Mengalir Ke Tempat Lain
4. Manual Prosedur Sertu Sedia Ada Bersifat Umum
5. Sertu Mesin yang Sensitif
6. Pengurusan Bahan Buangan yang Terkena Najis Mughallazah
7. Kelayakan Jurusertu
8. Bilangan Pekerja Dan Tempoh Masa Untuk Sertu
9. Kerjasama Pihak Berkuasa Berwibawa

Jelaslah, hasil dapatan kajian mendapati garis panduan sertu yang sedia ada tidak lagi relevan untuk diamalkan kerana timbulnya isu-isu yang memerlukan penambahbaikan dalam buku garis panduan sertu. Bukan itu sahaja, pandangan fiqah juga perlu ditelusuri bagi keadaan-keadaan yang melibatkan peralatan dan kawasan yang sensitif terhadap air dan air tanah. Bukan itu sahaja, terdapat juga mesin dan peralatan yang tidak boleh mengamalkan kaedah sertu sepertimana yang telah ditetapkan oleh garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM.

5.3 Cadangan Penambahbaikan

Dibawah ini merupakan cadangan penambahbaikan garis panduan sertu yang telah dikenalpasti berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan penerangan lanjut adalah sepertimana berikut:

5.3.1 Keadaan yang Diwajibkan untuk Sertu.

Cadangan penambahbaikan yang pertama ialah memberi penerangan secara terperinci terlebih dahulu berkenaan dengan situasi-situasi yang perlu dan tak perlu untuk sesuatu peralatan dan kawasan itu di sertu. Perkara ini perlu dijelaskan sebelum memberi maklumat lebih lanjut berkenaan dengan bahan dan kaedah sertu. Perkara ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada kesemua pemain industri dan lapisan masyarakat umumnya agar mengetahui keadan sebenar yang memerlukan kepada proses sertu.

Hal ini perlu di ambil serius kerana terdapat banyak situasi yang mana pemain industri dan orang awam melaksanakan sertu atas dasar yang jauh terpesong dari apa yang telah ditetapkan oleh Syarak antaranya adalah sikap was-was yang mendorong mereka untuk melaksanakan proses sertu dengan alasan sebagai langkah berhati-hati bagi meyakinkan diri sendiri. Ini bukan sahaja, tidak selari dengan perkara yang telah ditetapkan oleh Syarak malah boleh menimbulkan kesan negatif terhadap agama Islam terutamanya bagi golongan yang bukan Islam. Perkara ini secara tidak langsung boleh mewujudkan pembaziran yang melibatkan penggunaan air, tanah, masa dan kos untuk menampung jurusertu.

5.3.2 Bahan yang digunakan untuk sertu

Terdapat dua bahan utama yang diperlukan untuk proses sertu iaitu air dan tanah. Penggunaan tanah menjadi bukti perbezaan antara basuhan biasa dan sertu. Spesifikasi atau jenis tanah juga telah diterangkan dalam Buku Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (JAKIM) iaitu tidak mengandungi unsur najis, bebas daripada sebarang kekotoran dan bukan tanah yang telah digunakan untuk *tayammum*. Nisbah campuran air tanah untuk sertu peralatan yang sensitif juga telah ditentukan iaitu mestilah melebihi 0.6% hingga 2.5% mengikut kepekatan air yang diperlukan.

Namun, perkara yang menjadi isu adalah melibatkan jenis tanah dan nisbah kepekatan iaitu:

- i. Tanah yang tidak sesuai boleh mengambil masa yang lama untuk sertu.
- ii. Jika air tanah terlampau pekat boleh merosakkan mesin dan peralatan yang sensitif.
- iii. Bakteria yang terdapat pada anjing dan babi tidak hilang jika nisbah kepekatan tidak mencukupi.

Namun, menurut kitab fiqah yang telah dijelaskan dalam bab yang sebelum ini ia tidak menerangkan secara terperinci berkenaan dengan nisbah yang diperlukan untuk setiap basuhan. Jika merujuk kepada hadis dan kitab fiqah hanya menekankan kepada tiga perkara iaitu:

- i. Boleh menggunakan apa-apa jenis tanah yang terdapat di muka bumi.
- ii. Campur tanah ke dalam air sehingga air tersebut berubah menjadi keruh.
- iii. Air tanah yang disediakan mencukupi untuk membersihkan peralatan dan kawasan tersebut.

Pada masa kini pihak syarikat akan melihat kepada kesan yang berlaku setelah melaksanakan proses sertu tersebut. Seperti keadaan sebelum ini pihak syarikat akan menggunakan kaedah swab terhadap peralatan atau kawasan yang telah disertu dengan tujuan untuk mengetahui sama ada bakteria yang terdapat pada najis *mughallazah* di permukaan semakin berkurang atau tidak. Jika masih terdapat bakteria dari najis *mughallazah* tersebut pihak syarikat akan mempertikaikan tahap kebersihan yang dicatatkan setelah sertu adalah sama dengan sebelum melaksanakan proses tersebut. Perkara ini dianggap tidak mempunyai apa-apa perubahan jika melaksanakan sertu atau pun tidak.

Sertu dalam situasi ini menurut fiqah adalah sah namun tidak selari dengan kehendak syarikat perindustrian yang mementingkan tahap kebersihan dan berkemungkinan pihak perkhidmatan sertu perlu melaksanakan kembali proses sertu tersebut. Oleh itu, langkah awal telah diambil oleh Encik Azri semasa pengaplikasian sertu. Beliau mengambil kira nisbah air tanah yang boleh menghilangkan bakteria yang terdapat pada najis *mughallazah* tersebut. Perkara ini bukan sahaja dapat meningkatkan lagi tahap kepercayaan pemain industri terhadap syarikat perkhidmatan mereka. Ini juga dapat membuka mata semua lapisan masyarakat bahawasanya kaedah pembersihan sertu mampu untuk mencapai tahap kebersihan setanding dengan terma-terma yang telah ditetapkan dalam amalan kebersihan yang baik (*good hygiene practices*).

Secara ringkasnya, cadangan penambahbaikkan dalam sub topik spesifikasi atau jenis tanah adalah diperlukan agar lebih bersesuaian dengan kehendak industri. Antara cadangannya adalah sepertimana berikut:

- i. Menyenaikan jenis tanah yang sesuai digunakan untuk semua skim persijilan halal. Terutamanya, apabila melibatkan mesin yang sensitif terhadap air tanah.
- ii. Swab terlebih dahulu peralatan yang ingin disertu untuk mengetahui jumlah bakteria yang terdapat dipermukaan peralatan.
- iii. Mewujudkan peratusan nisbah air tanah yang dapat menghilangkan bakteria dalam najis *mughallazah*. Antara contoh sepertimana yang telah dinyatakan oleh Encik Azri:

Jadual 5.1: Peratusan Air Tanah

Najis <i>Mughallazah</i>	Najis Babi	Najis Anjing
Peratusan air tanah	12%	10%

Sumber: Hasil Temu Bual

- iv. Laksanakan swab setelah selesai sertu bagi mengetahui tahap kebersihan agar selari dengan tahap kebersihan yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat.

Perkara ini hanya perlu diaplikasikan bagi skim persijilan halal yang menginginkan sahaja. Perkara ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada mereka bahawasanya sertu bukan sekadar pembersihan biasa yang tidak mempunyai apa-apa kesan. Namun, dapat memenuhi tahap kebersihan yang telah ditetapkan oleh sesebuah syarikat. Terutamanya syarikat yang memerlukan kepada tahap kebersihan yang tinggi dan mempunyai peralatan dan kawasan yang sensitif sebagai contoh skim farmaseutikal dan skim produk peranti perubatan.

5.3.3 Status Baki Air Basuhan Sertu Mengalir ke Tempat Lain

Terdapat isu yang melibatkan status suci atau tidak baki air basuhan sertu yang mengalir ketempat lain. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan pendapat antara syarikat perkhidmatan sertu ada yang mengambil pendekatan untuk menyertu kawasan tersebut dan ada yang tidak menyertu.

Namun, perkara ini telah jelas dinyatakan di dalam kitab fiqah bahawa tidak wajib membasuh tempat yang terkena percikan dari air basuhan yang ketujuh, kerana percikan terjadi setelah tempat itu telah pun bersih (al-Ramliyy, T.th). Perkara ini akan disenaraikan dalam sub topik pengecualian yang terdapat dalam Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (2011) cadangan penambahbaikan adalah sepertimana berikut:

Pengecualian

- Sertu tidak boleh dilakukan pada anggota dalaman seseorang manusia yang hidup.
Contoh: Seseorang yang termakan sesuatu dari sumber najis *mughallazah* maka dia tidak perlu melakukan sertu dengan meminum air bercampur tanah.
- Tidak perlu sertu bagi seseorang yang memeluk islam.
Contoh: Sertu segala anggotanya yang pernah tersentuh dengan najis *mughallazah* sebelum keislamannya.
- Tidak perlu sertu kembali tempat yang terkena baki air basuhan sertu.

Contoh: Sertu lantai tempat yang telah digunakan untuk melaksanakan proses sertu.

Kesimpulannya, pendedahan terhadap situasi seperti ini perlu di beri pendedahan kepada syarikat perkhidmatan sertu dan pemain industri bagi mengelakkan berlakunya

keraguan dalam melaksanakan sertu. Justeru itu, dalam kajian ini penelitian terhadap isu-isu sertu dalam kitab fiqh turut dinyatakan di dalam bab sebelum ini.

5.3.4 Kaedah Sertu

Isu yang diketengahkan oleh industri khususnya bagi syarikat yang menyediakan perkhidmatan sertu ialah kesukaran untuk mengaplikasikan garis panduan yang sedia ada kerana terlalu umum dan tidak sesuai untuk diamalkan pada sesetengah industri pada masa kini terutamanya apabila melibatkan peralatan dan kawasan yang sensitif terhadap air tanah. Jika melihat kepada kaedah sertu dalam buku Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (JAKIM). Terdapat beberapa isu yang mana kaedah sertu di dalam garis panduan tersebut tidak tersusun dengan rapi. Mengikut analisis yang telah dilakukan garis panduan ini dibahagikan kepada dua kaedah sertu iaitu dengan menggunakan tanah dan sabun tanah liat.

Kedua kaedah ini telah di klasifikasikan berdasarkan peralatan dan bahan-bahan iaitu sepertimana berikut:

Jadual 5.2: Peralatan dan Kawasan Sertu

Bahan	Tanah	Sabun tanah liat
Peralatan dan kawasan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Permis 2. Barang gunaan 3. Mesin pembuatan ubat 4. Kontena 5. Dapur 6. Paip 7. Tangki 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Alatan 2. Tangan 3. Meja 4. Lantai 5. Mesin

Sumber: Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam

Jika melihat kepada susunan dan kaedah diatas jelaslah disini tidak mempunyai keselarian kerana telah mengklasifikasikan peralatan dan kawasan yang ingin di sertu dengan punggunaan bahan. Perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada pihak industri dan masyarakat umumnya. Bukan itu sahaja, terdapat empat kaedah sertu yang telah dikenal pasti sepertimana berikut:

Jadual 5.3: Kaedah-Kaedah Sertu

Kaedah Sertu	Peralatan dan Bahan
Kaedah basuhan biasa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Permis 2. Barang gunaan 3. Mesin pembuatan ubat <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian kepala yang ‘mengkompres’ (menekan) debu menjadi ubat. 4. Dapur 5. Tangki 6. Alatan 7. Tangan 8. Meja 9. Lantai
Kaedah Semburan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mesin <ul style="list-style-type: none"> • Oven
Kaedah Lap (kain/span)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mesin pembuatan ubat <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian ‘operational line’ seperti ‘convey belting’. Kontena
Kaedah pam	Paip

Sumber: Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam

Namun, di dalam garis panduan tersebut tidak disusun dengan rapi mengikut kaedah-kaedah sertu sepertimana di atas dan terdapat beberapa kaedah yang tidak dijelaskan secara terperinci iaitu berkaitan dengan kaedah sertu paip dan mesin pembuatan ubatan.

Justeru itu, cadangan penambahbaikan yang ingin diketengahkan adalah dengan mengklasifikasikan kaedah-kaedah sertu terlebih dahulu. Selanjutnya, pemain industri,

penyedia perkhidmatan sertu dan golongan awam umumnya dapat memilih sendiri kaedah-kaedah tersebut dan menyesuaikan mengikut peralatan dan mesin yang mereka miliki. Seterusnya, pihak syarikat dapat mengurangkan risiko kerosakan dengan mengambil kira tahap keselamatan peralatan dan mesin tersebut.

Tanah yang ingin digunakan juga tidak dinyatakan dalam kaedah ini kerana pihak industri boleh memilih jenis-jenis tanah yang telah disenaraikan pada bahagian sebelum ini yang bersesuaian dengan peralatan dan kawasan yang ingin disertu. Setiap kaedah sertu akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sebelum sertu, sertu dan selepas sertu. Sampel penambahbaikan kaedah sertu adalah sepertimana berikut:

Kaedah-Kaedah Sertu

Terdapat dua kaedah sertu iaitu yang melibatkan peralatan dan kawasan yang tidak sensitif dan sensitif huraian kaedah sertu adalah sepertimana berikut:

Kaedah Sertu Peralatan dan Kawasan yang Tidak Sensitif

Apabila sesuatu yang suci terkena najis *mughallazah* dalam keadaan basah maka wajib disertu untuk menyucikannya kembali sebagaimana langkah-langkah berikut:

Kaedah Sertu Basuhan Biasa

Jadual 5.4: Cadangan Penambahbaikan Kaedah Sertu Basuhan Biasa

Sebelum Sertu

Langkah pertama	➤ Swab peralatan tersebut sebelum sertu. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut sebelum disertu.
------------------------	--

	➤ Menghilangkan segala <i>ain najasat</i> yang ada terlebih dahulu sehingga bersih dan tidak kelihatan <i>ain najasat</i> itu lagi dengan mata kasar
Langkah kedua	➤ Menyediakan air secukupnya dengan mencampurkan sedikit tanah ke dalamnya sehingga tanah tersebut berubah warna <i>air mutlak</i> menjadi air tanah dan meratakan sebatian tersebut.

Sertu

Langkah ketiga	➤ Membasuh peralatan atau kawasan yang terkena najis <i>mughallazah</i> dengan air bercampur tanah tersebut sehingga meratai tempat yang dikehendaki sebagai basuhan pertama.
Langkah keempat	➤ Selepas selesai basuhan pertama, maka hendaklah dibasuh peralatan atau kawasan tersebut dengan mengulangi proses yang sama sebanyak enam kali lagi menggunakan <i>air mutlak</i> sehingga selesai tujuh kali basuhan kesemuanya.

Selepas sertu

Langkah kelima	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Boleh mengeringkan peralatan tersebut menggunakan peralatan yang bersesuaian jika perlu. ➤ Swab kembali peralatan tersebut. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut setelah disertu.
-----------------------	--

Kaedah Sertu Celup

Kaedah ini sesuai untuk digunakan kepada peralatan yang mempunyai kuantiti yang banyak khususnya terhadap peralatan dapur contohnya seperti pinggan, manggkuk, cawan, sudu dan garfu.

Jadual 5.5: Cadangan Penambahbaikan Kaedah Sertu Celup

Sebelum sertu

Langkah pertama	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Swab peralatan tersebut sebelum sertu. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut sebelum disertu. ➤ Menghilangkan segala <i>ain najasat</i> yang ada terlebih dahulu sehingga bersih dan tidak kelihatan <i>ain najasat</i> itu lagi dengan mata kasar.
------------------------	---

Langkah kedua	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menyediakan air secukupnya dengan mencampurkan sedikit tanah ke dalamnya sehingga tanah tersebut berubah warna air <i>mutlak</i> menjadi air tanah dan meratakan sebatian tersebut.
----------------------	---

Sertu

Langkah ketiga	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Sediakan tujuh biji besen iaitu satu besen air bercampur tanah manakala enam besen air <i>mutlak</i>. ➤ Setiap besen dipasang paip bagi aliran masuk dan mempunyai lubang kecil bagi aliran air keluar. ➤ Air paip sentiasa dipasang bagi aliran air masuk dan bertujuan untuk memenuhi air didalam besen tersebut, aliran air akan keluar apabila sudah mencapai tahap lubang kecil yang telah dibuat.
Langkah keempat	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Setiap besen mempunyai seorang jurusertu, jurusertu tersebut akan mencelup peralatan kedalam besen satu kali dengan basuhan air bercampur tanah. Ini dikenali sebagai basuhan pertama.
Langkah keempat	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Selepas selesai basuhan pertama, jurusertu tersebut akan memberikan peralatan tersebut kepada jurusertu berikutnya dengan mengulangi proses yang sama sebanyak enam kali lagi menggunakan air <i>mutlak</i> sehingga selesai tujuh kali basuhan kesemuanya.

Selepas sertu

Langkah kelima	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Boleh mengeringkan peralatan tersebut menggunakan peralatan yang bersesuaian jika perlu. ➤ Swab kembali peralatan tersebut. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut setelah disertu.
-----------------------	--

Secara kesimpulannya, senarai kaedah basuhan diatas merupakan basuhan yang sering kali diamalkan oleh syarikat perkhidmatan sertu. Justeru itu, kaedah ini merupakan kaedah asal yang wajib dikekalkan bagi memberi gambaran kepada pemain industri, syarikat perkhidmatan sertu dan masyarakat umumnya.

Kaedah Sertu Peralatan dan Kawasan yang Sensitif

Sekiranya kilang tersebut memiliki alat-alat kompleks yang sukar untuk dibuka atau sensitif terhadap air atau air tanah maka sertu boleh dilakukan dalam keadaan berikut:

Kaedah Semburan

Jadual 5.6: Cadangan Penambahbaikan Kaedah Sertu Semburan

Sebelum sertu

Langkah pertama	<ul style="list-style-type: none">➤ Swab peralatan tersebut sebelum sertu. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut sebelum disertu.➤ Menghilangkan segala <i>ain najasat</i> yang ada terlebih dahulu sehingga bersih dan tidak kelihatan <i>ain najasat</i> itu lagi dengan mata kasar.
Langkah kedua	<ul style="list-style-type: none">➤ Menyediakan air secukupnya dengan mencampurkan tanah ke dalamnya sehingga tanah tersebut berubah warna <i>air mutlak</i> menjadi air tanah dan meratakan sebatian tersebut.

Sertu

Langkah ketiga	<ul style="list-style-type: none">➤ Memasukkan air tanah ke dalam botol semburan yang bersesuaian dengan peralatan dan kawasan tersebut.➤ Sembur air tanah ke seluruh permukaan yang dikehendaki sehingga mengalir kemudian lap dengan menggunakan kain, span atau tisu yang bersesuaian. Ini dikenali sebagai basuhan pertama.➤ Sekiranya peralatan atau kawasan tersebut tidak sensitif dengan air atau air tanah maka air tersebut tidak perlu dilap.
Langkah keempat	<ul style="list-style-type: none">➤ Selepas selesai basuhan pertama, maka hendaklah dibasuh peralatan atau kawasan tersebut dengan mengulangi proses yang sama sebanyak enam kali lagi menggunakan air mutlak sehingga selesai tujuh kali basuhan kesemuanya.

Selepas sertu

Langkah kelima	<ul style="list-style-type: none">➤ Boleh mengeringkan peralatan tersebut menggunakan peralatan yang bersesuaian jika perlu.➤ Swab kembali peralatan tersebut. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut setelah disertu.
-----------------------	---

Kaedah Sertu Lap

Jadual 5.7: Cadangan Penambahbaikan Kaedah Sertu Lap

Sebelum sertu

Langkah pertama	<ul style="list-style-type: none">➤ Swab peralatan tersebut sebelum sertu. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut sebelum disertu.➤ Menghilangkan segala <i>ain najasat</i> yang ada terlebih dahulu sehingga bersih dan tidak kelihatan <i>ain najasat</i> itu lagi dengan mata kasar.
Langkah kedua	<ul style="list-style-type: none">➤ Menyediakan air secukupnya dengan mencampurkan sedikit tanah ke dalamnya sehingga tanah tersebut berubah warna air mutlak menjadi air tanah dan meratakan sebatian tersebut.

Sertu

Langkah ketiga	<ul style="list-style-type: none">➤ Basahkan kain, tisu atau span dengan air bercampur tanah kemudian perah kain tersebut bagi mengurangkan kuantiti air.➤ Lap air tanah sehingga meratai keseluruhan kawasan yang tercemar oleh najis <i>mughallazah</i>. Ini dikenali sebagai basuhan pertama.
Langkah keempat	<ul style="list-style-type: none">➤ Selepas selesai basuhan pertama, maka hendaklah dilap peralatan atau kawasan tersebut dengan mengulangi proses yang sama sebanyak enam kali lagi menggunakan air mutlak sehingga selesai tujuh kali basuhan kesemuanya.

Selepas sertu

Langkah keenam	<ul style="list-style-type: none">➤ Boleh mengeringkan peralatan tersebut menggunakan peralatan yang bersesuaian jika perlu.➤ Swab kembali peralatan tersebut. Bagi mengetahui jumlah bakteria yang terdapat pada peralatan atau kawasan tersebut setelah disertu.
-----------------------	---

Penggunaan Bahan Tambahan Sekiranya Perlu

Sekiranya, difikirkan perlu oleh pihak syarikat dan pihak perkhidmatan sertu untuk menggunakan bahan tambahan dalam proses sertu yang bertujuan untuk memastikan peralatan atau kawasan tersebut selamat untuk digunakan atau sebagainya. Maka, boleh mencampurkan bahan tambahan tersebut sepertimana berikut:

- i. Boleh menggunakan agen pencuci seperti sabun, pewangi, sanitasi yang diyakini suci selepas basuhan ketujuh iaitu selepas proses sertu selesai dilaksanakan.

Kaedah swab peralatan atau kawasan tersebut hanya dikhususkan kepada industri halal sahaja sekiranya mendapat permintaan oleh syarikat tersebut. Namun, jika sertu yang hendak dilakukan melibatkan peralatan atau kawasan peribadi seperti kawasan rumah, kereta, peralatan dapur dan lain-lain. Maka tidak perlu untuk menggunakan kaedah swab.

5.3.5 Kaedah sertu mesin yang sensitif

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan kepada pihak perkhidmatan sertu dan pihak Jabatan Agama Islam Negeri telah mendapati bahawa mereka akan menggunakan kaedah yang telah diinovasi sama ada menggunakan kaedah sertu semburan atau lap. Kaedah yang dipilih mestilah bersesuaian dengan peralatan atau kawasan yang ingin disertu. Perkara ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya kerosakan kepada peralatan tersebut.

Namun, terdapat situasi di mana pihak syarikat terpaksa menanggung kerugian sekiranya berlaku kerosakan terhadap peralatan yang telah disertu sepertimana yang telah berlaku di syarikat Farmaseutikal U terdapat peralatan yang berkarat setelah proses sertu dilaksanakan kerana peralatan tersebut tidak tahan karat. Bukan itu sahaja, terdapat syarikat yang menyatakan mesin dan peranti mereka tidak boleh terkena air jadi pihak perkhidmatan sertu memutuskan untuk tidak boleh melaksanakan proses sertu terhadap mesin dan peranti tersebut.

Perkara ini menjadi persoalan kepada syarikat yang ingin menyertu peralatan dan kawasan kilang, syarikat perkhidmatan sertu dan masyarakat umumnya. Justeru itu, cadangan penambahbaikan diperlukan antaranya adalah:

- i. Mengadakan perbincangan antara syarikat perkhidmatan sertu dan pemain industri.
- ii. Menyenaraikan peralatan yang sensitif dan tidak boleh terkena air dan air tanah.
- iii. Mengemukakan risiko yang berkemungkinan akan berlaku terhadap peralatan dan kawasan tersebut.
- iv. Meminta wakil dari pihak berkuasa berwibawa untuk turut bersama-sama melakukan penilaian dan mewujudkan cara terbaik untuk melaksanakan sertu pada peralatan dan kawasan tersebut.
- v. Melaksanakan proses sertu berdasarkan keputusan daripada pihak berkuasa beribawa dan selari dengan kehendak Syarak.

Secara ringkasnya, jika terdapat peralatan yang sensitif atau tidak boleh terkena air atau air tanah maka hendaklah melakukan penilaian dan mewujudkan satu kaedah sertu yang baru dan selari dengan kehendak Syarak.

5.3.6 Pengurusan Bahan Buangan yang Terkena Najis *Mughallazah*

Setiap bahan atau peralatan yang telah terkena najis *mughallazah* dapat disertu bagi membersihkan kembali kekotoran tersebut dan ianya telah suci disisi Syarak untuk digunakan kembali. Namun, terdapat situasi dimana bahan atau peralatan yang terkena najis

mughallazah rosak dan tidak dapat digunakan lagi. Maka timbul persoalan sama ada bahan atau peralatan tersebut perlu disertu atau tidak?

Perkara ini menimbulkan beberapa isu yang melibatkan individu yang menguruskan bahan buangan, kaedah pengurusan bahan buangan dan kaedah pelupusan bahan buangan. Setiap aspek berikut perlu diperhatikan kerana berkemungkinan berlaku pencemaran silang pada sepanjang proses tersebut. Jika melihat kepada Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (JAKIM) tiada sebarang garis panduan berkaitan dengan kaedah pelupusan bahan buangan yang terkena najis *mughallazah*. Oleh itu, cadangan penambahbaikan yang hendak diketengahkan adalah dengan mewujudkan satu sub topik berkenaan dengan pengurusan bahan buangan yang terkena najis *mughallazah* iaitu sepertimana berikut:

Pengurusan Bahan Buangan yang Terkena Najis *Mughallazah*

Setiap bahan atau peralatan yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi tidak perlu disertu. Terdapat beberapa peraturan yang perlu dipenuhi bagi mengelakkan pencemaran silang berlaku. Kaedah pelupusan adalah sepertimana berikut:


i. Individu

Hendaklah memakai pakaian pelindung diri yang bersesuaian semasa proses pelupusan tersebut iaitu:

- Penutup kepala
- Topeng muka
- Pelindung mata
- Baju kalis air

- Sarung tangan pakai buang
- Sarung kasut

* Boleh menggunakan apa-apa jenis bahan sahaja, pastikan dapat melindungi diri daripada terkena najis *mughallazah*.



Sumber: Asan Medical Center (AMC)

Gambar Rajah 5.1: Pakaian Pelindung Diri

ii. Kaedah Pelupusan

- Kumpulkan bahan yang telah tercemar dengan najis *mughallazah* di satu bahagian.
- Bersihkan terlebih dahulu *ain najasat* iaitu najis yang boleh dilihat dengan mata kasar yang terdapat pada bahan atau peralatan tersebut dengan menggunakan air biasa. Perkara ini bertujuan untuk menghilangkan bau najis tersebut.

- Masukkan bahan atau peralatan tersebut kedalam plastik yang tebal tidak mudah koyak.
- Bungkus dengan kemas dan rapi.
- Labelkan bungkusan plastik tersebut dengan ‘Bahan Buangan Najis *Mughallazah*’.
- Buang ditempat yang telah disediakan oleh pihak berkuasa berwibawa.

Pihak berkuasa berwibawa turut membawa peranan yang penting dengan mewujudkan satu tempat pengumpulan bahan buangan yang telah terkena najis *mughallazah*. Cadangan ini bertujuan untuk memastikan bahan buangan najis *mughallazah* tidak merebak ketempat lain semasa proses pelupusan dilaksanakan.

5.3.7 Kelayakan Jurusertu

Kajian ini mendapati semua individu yang berkerja sebagai jurusertu tidak mempunyai sebarang pentauliahan daripada mana-mana pihak berkuasa berwibawa. Perkara ini juga tidak diwajibkan oleh pihak berkuasa berwibawa bagi seseorang yang hendak melaksanakan sertu memperolehi pentauliahan.

Namun, pemahaman dan amali terhadap pengaplikasian sertu amat penting bagi mengelakkan mereka daripada melaksanakan sertu yang tidak selaras dengan kehendak Syarak. Justeru itu, cadangan penambahbaikan adalah dengan mencadangkan agar pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mewajibkan pengusaha syarikat perkhidmatan sertu untuk mendapatkan pentauliahan dan diberi sijil kelayakan. Bagi

pekerja yang diambil untuk menjadi jurusertu di bawah syarikat perkhidmatan sertu boleh dilatih secara terus oleh pengusaha yang telah mendapat pentauliahan.

Selanjutnya, pemahaman tentang kaedah pengaplikasian sertu terhadap masyarakat awam turut menjadi keutamaan bagi memudahkan mereka untuk melaksanakan sendiri proses sertu sekiranya berlaku pencemaran dengan najis *mughallazah* yang melibatkan kawasa rumah, peralatan rumah, anggota badan atau lain-lain.

Antara pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi memberi informasi secara langsung kepada masyarakat awam adalah dengan menganjurkan seminar, ceramah, pameran berkaitan dengan sertu dan sebagainya. Perkara ini sedikit sebanyak boleh membantu mereka untuk lebih memahami dan dapat mengaplikasikannya dengan tepat mengikut kehendak Syarak.

5.3.8 Bilangan Pekerja dan Tempoh Masa untuk Sertu.

Secara amnya melihat kepada keadaan semasa proses sertu dijalankan terdapat beberapa isu yang memberi kesan negatif kepada syarikat yang ingin mendapatkan persijilan halal terutamanya melibatkan peralatan dan kawasan yang berskala besar. Hal ini, boleh mempengaruhi tempoh masa dan bilangan pekerja. Buktinya, terdapat beberapa kawasan yang memerlukan tempoh sekurang-kurangnya tiga hingga empat belas hari untuk menyelesaikan satu kawasan perindustrian.


Perkara ini bukan sahaja melibatkan tempoh masa yang lama malah bilangan pekerja dan kos juga turut meningkat. Oleh itu, cadangan penambahbaikan adalah dengan melaksanakan penilaian secara terperinci dan memastikan kawasan yang diyakini tercemar


oleh najis *mughallazah* sahaja disertu dan perkara ini hendaklah dilaksanakan dan disahkan oleh pihak berkuasa berwibawa.

Perkara ini juga selari dengan kehendak Syarak iaitu bahan atau kawasan yang diyakini tercemar dengan najis *mughallazah* sahaja disertu. Bukan itu sahaja, cadangan ini dapat mengurangkan pembaziran yang melibatkan kos, bilangan pekerja dan tempoh masa yang lama.

5.3.9 Kerjasama Pihak Berkuasa Berwibawa

Antara bidang tugas pihak yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan sertu menurut buku Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (2011) adalah:





Sumber: Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (2011)

Gambar Rajah 5.2: Bidang Tugas Pihak Berkuasa Berwibawa

Berdasarkan rajah di atas jelaslah menerangkan tentang bidang tugas pihak syarikat dan pihak berkuasa berwibawa. Namun, timbulnya beberapa isu yang melibatkan pihak berkuasa berwibawa yang mana tidak memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada pemain industri dan syarikat perkhidmatan sertu khususnya perkara ini berlaku kerana kekangan masa yang dihadapi oleh pihak berkuasa berwibawa.

Pada asalnya sertu hanya dilakukan oleh pihak syarikat dengan kerjasama pihak berkuasa berwibawa tetapi timbulnya kekangan yang menyebabkan pihak syarikat terpaksa mengambil perkhidmatan sertu untuk menjadi wakil bagi syarikat mereka untuk melaksanakan proses sertu. Namun, syarikat perkhidmatan sertu kurang mendapat tempat dihati pemain industri kerana mereka lebih meyakini pihak JAIN untuk melaksanakan proses sertu. Selanjutnya, isu yang melibatkan pemantauan dan pengesahan sertu bagi syarikat perhidmatan sertu yang menjalankan sertu yang melangkaui sempadan.

Perkara ini boleh menimbulkan kesukaran oleh pemain industri dan syarikat perhidmatan sertu yang mana mereka terpaksa merangka sendiri kaedah sertu inovasi yang perlu dilakukan kepada peralatan yang sensitif dan mengambil risiko dengan menyertu kesemua bahagian sama ada diyakini tercemar atau diragui bagi mengelakkan daripada proses sertu yang mereka laksanakan itu tidak diluluskan semasa pemantauan yang di buat oleh pihak berkuasa berwibawa.

Bukan itu sahaja, masa yang lama perlu diambil bagi menyertu sesuatu peralatan atau kawasan kerana terpaksa menunggu pihak berkuasa berwibawa untuk melaksanakan pemantauan dan mengesahkan proses sertu yang dilaksanakan. Oleh itu, cadangan penambahbaikan yang ingin dikemukakan adalah dengan mewujudkan satu unit jawatankuasa sertu dibawah bahagian pengurusan halal di JAIN. Antara tugas unit jawatankuasa sertu ini adalah:

Bahagian Pengurusan Halal: Unit Jawatankuasa Sertu.

- Menerima surat permohonan sertu dari pihak syarikat.
- Melaksanakan penilaian dengan pihak syarikat untuk memastikan kawasan yang perlu disertu.
- Menyarankan kaedah sertu yang perlu diaplikasi dan mewujudkan kaedah sertu inovasi bagi peralatan dan kawasan yang sensitif.
- Memantau dan mengesahkan proses sertu dilakukan dengan betul mengikut Syarak.
- Mengeluarkan surat rasmi pengesahan sertu kepada syarikat berkenaan.

Bukan itu sahaja, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah melantik pihak berkuasa berwibawa yang khusus untuk melaksanakan pemantauan dan pengesahan proses sertu bagi kawasan yang melangkaui sempadan.

5.4 Saranan Kajian di Masa Hadapan

Subtopik ini akan memberi beberapa cadangan terhadap peranan pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan proses sertu iaitu pihak berkuasa berwibawa, pihak universiti, pemain industri sertu, pihak perkhidmatan sertu dan masyarakat umum. Bukan itu sahaja, kajian ini turut mengemukakan beberapa cadangan kajian yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

5.4.1 Pihak Berkuasa

Antara cadangan penambahbaikan terhadap pihak berkuasa berwibawa yang terdiri daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ialah:

1. Unit Jawatankuasa Sertu
2. Menyediakan latihan jurusertu dan memberi pengesahan sijil pentauliahan.
3. Mengiktiraf secara rasmi syarikat perkhidmatan sertu di bawah JAKIM dan wakil sertu di setiap negeri.
4. Mewujudkan garis panduan sertu yang sesuai untuk diamalkan oleh kesemua skim pensijilan halal.

Sepertimana cadangan yang telah disenaraikan di atas iaitu mengadakan program krusus latihan jurusertu kepada pihak perkhidmatan sertu oleh pihak berkuasa berwibawa bagi menatapkan lagi pemahaman mereka berkaitan dengan hukum asal dan kaedah sertu yang telah ditetapkan oleh Syarak perkara ini amat penting bagi mengelakkan syarikat perkhidmatan sertu mengambil kesempatan terhadap industri-industri yang hendak melaksanakan proses sertu. Bukan itu sahaja, memberi pengesahan sijil pentauliahahan sertu dan mengiktiraf syarikat perkhidmatan sertu. Selanjutnya, pihak berkuasa berwibawa hendaklah memberi kepercayaan sepenuhnya dan mengarahkan syarikat perkhidmatan sertu untuk melaksanakan proses tersebut. perkara ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi nilai komersial dan memberi banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Dalam pada itu, cadangan ini dapat meringankan beban dari pihak berkuasa berwibawa untuk melaksanakan proses sertu.

5.4.2 Pihak Perkhidmatan Sertu

Sekarang ini sudah terdapat banyak syarikat perkhidmatan sertu yang ditubuhkan. Justeru itu, beberapa langkah berhati-hati perlu diambil bagi memastikan kesemua syarikat yang menyediakan perkhidmatan sertu melaksanakan proses tersebut selari dengan kehendak Syarak. Dalam pada masa yang sama kepentingan pihak perkhidmatan sertu turut menjadi keutamaan. Oleh itu beberapa cadangan telah dikemukakan.

1. Mengemukakan cadangan kaedah sertu yang sesuai untuk kesemua skim persijilan halal.
2. Meminta sokongan dari pihak berkuasa berwibawa untuk mempromosikan syarikat perkhidmatan sertu.

3. Menggunakan peralatan dan produk sertu yang tidak memberi risiko terhadap peralatan dan mesin syarikat.

Bagi meningkatkan lagi nilai komersil sesebuah syarikat perkhidmatan sertu. Sumbangan daripada mereka sangatlah diperlukan agar dapat meyakinkan pihak berkuasa berwibawa dalam memberi kepercayaan sepenuhnya untuk melaksanakan proses sertu. Antara sumbangan yang difikirkan perlu adalah setiap syarikat hendaklah mengemukakan kaedah-kaedah inovasi yang telah mereka laksanakan bagi membolehkan pihak berkuasa berwibawa mengiktirafkan kaedah tersebut agar tidak mempunyai percanggahan dari apa yang telah ditetapkan oleh Syarak.

Perkara ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran perkhidmatan tersebut. Pelanggan akan lebih meyakini kemampuan syarikat dalam melaksanakan proses sertu. Pemilihan peralatan dan produk yang sesuai dalam melaksanakan proses sertu turut menjadi keutamaan bagi mengurangkan risiko kerugian pihak syarikat.

5.4.3 Pemain Industri

Jika melihat pada dapatan kajian terdapat isu dimana wakil daripada pihak syarikat tidak mengetahui secara mendalam tentang tujuan dan kaedah sertu terutama sekali pada syarikat bukan Islam. Perkara ini memberi beban kepada pihak perkhidmatan sertu dan pihak berkuasa berwibawa untuk memberi penerangan secara mendalam tentang perkara tersebut.

1. Mewajibkan wakil daripada pihak syarikat untuk memiliki latihan halal dan program pensijilan halal.
2. Pihak syarikat hendaklah mengenalpasti kaedah simulasi pembersihan dalam proses (CIP) bagi setiap mesin dan peranti.
3. Menyenaraikan risiko yang akan berlaku terhadap mesin dan peranti semasa melaksanakan proses sertu.

Oleh itu, cadangan untuk mewajibkan kesemua syarikat untuk mempunyai jawatankausa halal dalaman bagi menguruskan kesemua tadbir urus berkaitan dengan halal. Bukan itu sahaja, pihak syarikat hendaklah mengetahui simulasi pembersihan dalam proses (CIP) sebelum membeli mesin atau peranti. Akhir sekali, wakil daripada pihak syarikat hendaklah menyenaraikan risiko yang akan berlaku terhadap mesin dan peranti semasa melaksanakan proses sertu dalam satu dokumen.

5.4.4 Peranan Universiti

Universiti merupakan tempat utama bagi rujukan kerana mempunyai golongan yang pakar dalam setiap bidang untuk melaksanakan penyelidikan dan inovasi berdasarkan isu-isu yang timbul. Kajian ini mencadangkan beberapa perkara yang perlu diketengahkan untuk kajian akan datang. Kerjasama antara universiti yang mempunyai pakar dalam bidang tertentu memberi impak yang besar dalam kajian ini. Agar hasil dapatkan kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi untuk dijadikan sumber bagi penambahbaikan garis panduan sertu. Antara cadangan penyelidikan dan inovasi adalah sepertimana berikut:

1. Kajian tentang pemilihan jenis-jenis tanah dan kadar kepekatan terbaik bagi kegunaan industri halal.
2. Mengenalpasti jumlah bakteria sebelum dan setelah selesai proses sertu.

Oleh kerana kajian yang sedang dijalankan ini hanya tertumpu kepada kaedah sertu menurut pandangan fiqah dan kaedah-kaedah sertu yang diamalkan oleh pihak perkhidmatan sertu terhadap industri halal di Malaysia. Selanjutnya, turut menfokuskan isu-isu yang timbul semasa proses sertu dilaksanakan. Namun, terdapat kelompongan kajian pada jenis tanah dan peratusan kadar kepekatan tanah. Meskipun telah ditetapkan dalam garis panduan sertu jumlah peratusan sebanyak 0.6% hingga 2.5% tanah tetapi terdapat isu yang melibatkan mesin dan peralatan yang sensitif terhadap air tanah. Kajian semula tentang jenis tanah amat perlu dengan menyatakan secara terperinci jenis tanah terbaik yang mesra untuk digunakan oleh kesemua skim pensijilan halal.

Jika melihat kepada industri perubatan dan farmaseutikal yang perlu memastikan syarikat mereka sentiasa bersih dan tidak boleh terdedah kepada pencemaran yang boleh meningkatkan lagi kadar bakteria pada permukaan. Satu kajian berkenaan dengan jumlah bakteria sebelum dan selepas sertu terhadap jenis-jenis najis *mughallazah* yang sering dijumpai dalam industri seperti lemak babi, daging babi, gelatin dan sebagainya perlu bagi memberi keyakinan kepada mereka bahawa proses sertu yang dijalankan tidak menjejaskan tahap kebersihan kilang.

5.4.5 Masyarakat

Masyarakat awam yang terdiri daripada pelbagai jenis lapisan masyarakat sama ada yang beragama Islam ataupun tidak. Pengetahuan terhadap sesuatu perkara adalah

bergantung kepada sikap individu itu sendiri sama ada peka atau sebaliknya. Oleh itu, bagi mengelakkan daripada berlakunya kesalahfahaman terhadap sertu yang boleh menimbulkan pandangan negatif daripada golongan bukan Islam. Ini merupakan beberapa cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap sertu.

1. Menggunakan platform media sosial untuk meningkatkan kesedaran masyarakat melalui televisyen, radio, facebook, Instagram, tiktok atau sebagainya.
2. Mengadakan karnival, ceramah atau sebagainya di sekolah, pejabat atau tempat awam bagi memberi pencerahan berkaitan sertu.

Cadangan di atas merupakan satu kaedah kesedaran secara tidak langsung kepada masyarakat awam. Kaedah ini sangat efektif kerana kebanyakan masyarakat pada masa kini mempunyai gajet seperti telefon pintar, computer riba dan menghabiskan banyak masa bersama gajet masing-masing.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulanya, semoga kajian ini dapat memberi sumbangan yang besar dalam sektor perindustrian halal melalui cadangan penambahbaikan garis panduan sertu. Semoga dapat menjadikan hasil kajian dan cadangan yang telah dikemukakan ini sebagai tunjang utama dalam meningkatkan lagi kualiti kebersihan produk halal dan dapat memperluaskan lagi jangkauan produk halal di peringkat dunia. Bukan itu sahaja, diharapkan agar cadangan dalam kaedah sertu dapat memberi manfaat kepada industri yang mempunyai kesukaran dalam melaksanakan proses sertu. Akhir kata, semoga pihak berkuasa berwibawa dapat mempertimbangkan cadangan penambahbaikan garis panduan sertu ini bagi memberi

kemudahan dan kesenangan bukan sahaja kepada pemain industri dan syarikat perkhidmatan sertu bahkan kepada masyarakat umum.

